

Media Title : Harian Metro
Headline : RUGI RM2 JUTA
Date : 1 July 2023
Section : Lokal
Page : 19



RUGI RM2 JUTA

Bekas isteri pemimpin terperangkap tipu daya scammer

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket penipuan phone scam terus agresif memburu mangsa apabila menjadikan bekas isteri pemimpin negara sebagai sasaran terbaharu.

Suspek yang menyamar

sebagai pegawai polis berjaya memperdaya mangsa berusia 60-an mengakibatkan kerugian RM2 juta.

Menurut sumber, suspek yang menghubungi mangsa Ogos tahun lalu mendakwa keroncongnya mangsa terbabit aktiviti pengubahan wang haram dan diminta memberikan kerjasama.

"Mangsa menafikan tuduhan itu namun suspék di-

katakan meminta mangsa berhubung pula dengan pegawai lain bagi tindakan lanjut.

"Suspek dikatakan menggunakan pelbagai taktik psikologi untuk memperdaya mangsa melalui beberapa siri perbualan yang akhirnya menyebabkan mangsa terperangkap dengan penipuan itu sehingga kerugian RM2 juta," katanya.

Sumber berkata, mangsa

yang menyedari ditipu tam-pil membuat laporan di Balai Polis Tun Razak di sini, pada Selasa lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf mengesahkan menerima laporan terbabit.

Beliau berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksianan.



RAKYAT Malaysia yang dikurung dan dipaksa bekerja oleh sindiket buruh paksa di Filipina.